Katanya konvokesyen akan berjalan seperti biasa dan bilik gerakan banjir bagi sebarang pertanyaan daripada ibu bapa dan jemputan dibuka mulai tengah hari tadi.

"Walaubagaimanapun pihak universiti akan mengumumkan sebarang perkembangan dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, ibu bapa dan waris dinasihatkan menggunakan jalan dari UUM melalui Bukit Tangga/Bukit Kayu Hitam untuk ke Changlon seterusnya ke Lebuhraya Utara Selatan kerana laluan Sintok ke Changlon telah ditutup untuk semua kenderaan.

Dalam perkembangan yang sama, Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataannya memberi amaran hujan lebat peringkat merah akan melanda kawasan Daerah Kubang Pasu dan Padang Terap, Kedah sehingga 3 November 2010

Hujan lebat juga melanda di Kelantan dan Perlis dan keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah dan berdekatan dengan sungai.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi 04-9284583/04-9285390/04-9283003.

Laluan alternatif ke UUM seperti di bawah.

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my